

# Sistem Aliran Moval atasi lantai bilik air bocor

**L**AZIMNYA, sistem lantai bilik air terdiri daripada empat komponen utama iaitu jubin, simen mortar, lapisan kalis air dan konkrit.

Dalam hal ini, masalah lantai bilik air bocor boleh berpunca daripada kerosakan bahagian lapisan kalis air memandangkan air akan meresap melalui celahan jubin ke lapisan mortar.

Pensyarah Jabatan Struktur dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Dr. Nickholas Anting Anak Guntor berkata, keadaan itu lama-kelamaan turut mengundang pembentukan kulat serta lumut



**SUSUNAN Sistem Aliran Moval mengikut turutan pemasangan di lantai bilik air.**



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## INOVASI

di lantai bilik air disebabkan kelembapan.

Lantaran itu, beliau menjalankan penyelidikan bagi membangunkan Sistem Aliran Moval bagi mengeluarkan air daripada lapisan mortar untuk

mengelakkan takjungan air ini merosakkan lapisan kalis air antara mortar dan konkrit.

“Moval adalah ringkasan *Moisture Removal*. Ia menggunakan reka bentuk perangkap lantai yang terdiri daripada tiga komponen penting iaitu Moval Gel, Moval Sleeve, dan Moval Trap dengan setiap komponen memainkan peranan berbeza.

“Moval Gel berfungsi menyimpan bahan penyerap lembapan, manakala Moval Sleeve pula direka bentuk untuk mengalirkkan resapan air permukaan dari bahagian



**NICKHOLAS ANTING (empat dari kanan) bergambar kenangan ketika memenangi dua anugerah sempena MTE di Kuala Lumpur baru-baru ini.**

mortar ke saluran yang sepatutnya. Moval Trap pula bertindak seperti penudung bagi kedua-dua komponen tadi.

“Kombinasi komponen yang diperbuat daripada *Unplastic Poly Vinyl Chloride (UPVC)* itu akan membentuk satu sistem perangkap lantai yang mampu

mengatasi masalah bocor dan kulat,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Model prototaip penyelidikan itu memperoleh Anugerah Khas dan *Best of the Best Award* sempena Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) di ibu negara bulan lalu.